

30 AUG 2002

UMNO BERHAK AMBIL TINDAKAN TERHADAP NIK AZIZ, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Umno berpendapat ia berhak mengambil tindakan terhadap Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berhubung kenyataannya bahawa Allah mempunyai sifat samseng.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kenyataan Nik Aziz itu sudah melampaui batas dan tidak boleh lagi dikatakan bahawa ia berkaitan dengan politik kerana ia kini sudah menyentuh kepercayaan seseorang yang beragama Islam.

"Kalau dia (Nik Aziz) tidak bertaubat, maka kita berpendapat bahawa kita berhak mengambil tindakan ke atas orang yang menghina Islam," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, bagaimanapun tidak menjelaskan bentuk tindakan yang akan diambil.

Sebuah akhbar beberapa hari lepas melaporkan bahawa Nik Aziz boleh didakwa di mahkamah berhubung kenyataannya itu sekiranya ada laporan dibuat terhadapnya.

-- BERNAMA  
AZH AZH MAI